

PUSAT HAL EHWAL PELAJAR • CENTRE FOR STUDENT AFFAIRS

MEMO PUSAT HAL EHWAL PELAJAR BIL. 1/ 2022

KEMASUKAN PELAJAR KE KAMPUS SEMESTER 2 SESI 2021/2022
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Memo ini bertujuan menjelaskan prosedur kemasukan pelajar ke kampus bagi Semester 2 Sesi 2021/2022 Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) selaras dengan kenyataan media Kemasukan Pelajar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Bermula Mac 2022 yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bertarikh 10 Februari 2022, keputusan Mesyuarat Kuartet Menteri COVID-19 Ke-12 dan pengumuman oleh YB Menteri Kanan Pertahanan.
- 1.2 Semua pelajar UKM sama ada yang tinggal di dalam atau luar kampus dibenarkan masuk ke kampus pada Semester 2 Sesi 2021/2022 tertakluk kepada penentuan mod Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang ditetapkan oleh fakulti/ institut/ pusat pengajian. Pelajar **TIDAK PERLU** membuat permohonan kebenaran kemasukan ke kampus menerusi Sistem UKM2Campus.

2.0 PENGEMASKINIAN STATUS VAKSINASI

- 2.1 Pelajar hendaklah mengemaskini status vaksinasi COVID-19 di Sistem Maklumat Pelajar (SMPWeb) dari semasa ke semasa.
- 2.2 Bagi pelajar yang belum lengkap jumlah suntikan vaksinasi, pengemaskinian hendaklah dibuat sehingga menerima jumlah suntikan vaksinasi yang lengkap serta memuat naik sijil digital (*digital certificate*) vaksinasi COVID-19 terkini.
- 2.3 Pelajar hendaklah bertanggungjawab terhadap maklumat vaksinasi COVID-19 yang dikemukakan kepada pihak Universiti. Sebarang **pemalsuan dokumen atau maklumat** boleh dikenakan tindakan tatatertib selaras dengan Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 dan Bahagian II Perkara 27 Tatatertib Am, Kaedah-Kaedah Universiti Kebangsaan Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar).

3.0 PERSEDIAAN PELAJAR SEBELUM KEMASUKAN KE KAMPUS

- 3.1 Pendaftaran masuk ke kolej kediaman bagi pelajar dalam kampus bagi Semester 2 Sesi 2021/2022 adalah seperti berikut:

Tarikh	Masa
27 – 29 Mac 2022 (Ahad hingga Selasa)	9.00 pagi – 12.00 tengah hari 2.30 petang – 4.30 petang



CERTIFIED TO MS ISO 9001:2015 Cert. No. : QMS 02549

PUSAT HAL EHWAL PELAJAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4700 Faks: +603-8925 4029 E-mel: pghhep@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/siswaukm

3.2 Pelajar perlu bersedia dan memastikan perkara berikut dipatuhi sebelum masuk ke kampus:

- 3.2.1 Mendapatkan pengesahan fakulti bagi penentuan mod PdP. Sekiranya mod PdP adalah secara dalam talian sepenuhnya pelajar boleh memilih untuk tidak kembali ke kampus bagi Semester 2 2021/2022;
- 3.2.2 Memastikan **status risiko di dalam aplikasi MySejahtera** adalah risiko rendah atau kontak kasual tidak bergejala;
- 3.2.3 Tidak mempunyai simptom ILI (*influenza like illness*) - selesama, batuk, demam dan sakit tekan atau gejala jangkitan COVID-19;
- 3.2.4 Bukan dalam proses menunggu keputusan ujian COVID-19; dan
- 3.2.5 **Melakukan Ujian RT-PCR /RTK-Ag dalam tempoh 48 jam atau ujian kendiri Saliva 24 jam sebelum masuk ke kampus.** Pelajar perlu mencetak, melengkapkan dan membawa Borang Deklarasi Saringan COVID-19 **KETIKA** kembali ke kampus pada pautan berikut: <https://drive.google.com/file/d/1mSLUGfd94-laOeYXdSsZeaPTnX6MoZZ4/view?usp=sharing>

3.3 Kebenaran pelajar UKM untuk kembali ke kampus adalah berdasarkan status vaksinasi COVID-19 seperti berikut:

Bil.	Status Vaksinasi	Arahan
1.	Pelajar yang telah lengkap 2 dos vaksinasi COVID-19 dengan tempoh matang.	DIBENARKAN masuk ke kampus.
2.	Pelajar yang telah divaksin tetapi belum lengkap 2 dos vaksinasi COVID-19.	<ol style="list-style-type: none">a. Pemantauan oleh Dekan/ Pengarah/Pengetuab. Tindakan Pelajar :<ol style="list-style-type: none">i. segera melengkapkan vaksinasi COVID-19; danii. jika vaksinasi COVID-19 masih belum lengkap, pelajar hendaklah membuat ujian kendiri RTK-Ag COVID-19 secara mingguan di Pusat Kesihatan Universiti atau Klinik Warga HCTM dan kos ujian adalah di bawah tanggungan pelajar terbabit. Kit ujian kendiri boleh dibeli di PKU, Klinik Warga HCTM atau dibeli sendiri oleh pelajar berkenaan.
3.	Pelajar belum menerima vaksinasi COVID-19:	<ol style="list-style-type: none">a. Pemantauan oleh Dekan/ Pengarah/Pengetuab. Tindakan pelajar :<ol style="list-style-type: none">i. Hendaklah mendapatkan pengesahan bertulis daripada pengamal perubatan berdaftar dengan:



PUSAT HAL EHWAL PELAJAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4700 Faks: +603-8925 4029 E-mel: pghhep@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/siswaukm

		<ul style="list-style-type: none"> ● mengisi Borang Pengesahan Pengamal Perubatan Berdaftar Bagi Pengecualian Penerimaan Vaksin COVID-19 seperti di Lampiran 1; DAN ● memohon Sijil Pengecualian Vaksinasi COVID-19 di MySejahtera di Pejabat Kesihatan Daerah (PKD). ● menghantar pengesahan bertulis kepada Pusat Kesihatan Universiti dan disalinkan kepada Dekan/ Pengarah/Pengetua; dan <p>ii. jika vaksinasi COVID-19 masih belum lengkap, pelajar hendaklah membuat ujian kendiri RTK-Ag COVID-19 secara mingguan di Pusat Kesihatan Universiti atau Klinik Warga HCTM dan kos ujian adalah di bawah tanggungan pelajar terbabit. Kit ujian kendiri boleh dibeli di PKU, Klinik Warga HCTM atau dibeli sendiri oleh pelajar berkenaan.</p>
--	--	--

- 3.4 Bagi pelajar yang ingin memohon penginapan dalam kampus, sila merujuk kepada Pekeliling Pusat Perumahan Pelajar Bil. 1/ 2022.

4.0 PERGERAKAN PELAJAR DALAM KAMPUS

- 4.1 Pelajar hendaklah **mengemaskini setiap hari** status kesihatan melalui Sistem MySejahtera dan mengimbas kod QR MySejahtera sebelum memasuki kolej kediaman/ fakulti/ Pusat Tanggungjawab (PTj)/ premis dalam kampus;
- 4.2 Pelajar **PERLU** menjalani sesi PdP secara dalam talian dan **TIDAK HADIR SECARA FIZIKAL** sekiranya berada dalam situasi seperti berikut:
- 4.2.1 Status risiko di dalam aplikasi MySejahtera positif COVID-19 atau Kontak Rapat atau Kontak Kasual bergejala;
 - 4.2.2 Mempunyai simptom ILI (*influenza like illness*) - selesema, batuk, demam dan sakit tekak atau gejala jangkitan COVID-19;
 - 4.2.3 Pelajar dalam proses menunggu keputusan ujian COVID-19;
- 4.3 Pelajar adalah diingatkan untuk sentiasa mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) dalam menjalankan aktiviti di dalam kampus terutamanya melibatkan penggunaan tempat umum.

5.0 KEMASUKAN PELAJAR ANTARABANGSA

- 5.1 Semua pelajar antarabangsa yang lengkap divaksin dibenarkan masuk ke kampus SELEPAS TAMAT tempoh kuarantin berikut:
- 5.1.1 Tujuh (7) hari – bagi pelajar yang telah lengkap divaksin; atau
 - 5.1.2 Lima (5) hari – bagi pelajar yang telah lengkap divaksin dan dos penggalak



PUSAT HAL EHWAL PELAJAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4700 Faks: +603-8925 4029 E-mel: pghhep@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/siswaukm

- 5.2 Semakan SOP kuarantin boleh dibuat menerusi www.covid-19.moh.gov.my yang dikemaskini dari semasa ke semasa.

6.0 PENUTUP

- 6.1 Pelajar perlu patuh kepada sebarang arahan untuk menjalani ujian RT-PCR /RTK-Ag/Saliva atau perintah menjalani kuarantin di lokasi yang ditetapkan sama ada dalam atau luar kampus. Kos makan minum adalah ditanggung oleh pelajar sepanjang menjalani tempoh kuarantin.
- 6.2 Peraturan/ SOP boleh berubah tertakluk kepada arahan/ keperluan semasa oleh KPT, Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- 6.3 Setiap pelajar dinasihatkan untuk sentiasa mematuhi disiplin sosial yang tinggi bagi mengawal penularan wabak COVID-19. Kerjasama para pelajar untuk lebih cakna dalam pematuhan SOP dan sentiasa mematuhi peraturan yang dikeluarkan adalah amat dihargai.

Pusat Hal Ehwal Pelajar (HEP-UKM)
28 Februari 2022

*Kenyataan ini telah mendapat perakuan dan kelulusan daripada Jawatankuasa Tindakan Krisis (JKTK) UKM.



PUSAT HAL EHWAL PELAJAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4700 Faks: +603-8925 4029 E-mel: pghhep@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/siswaukm



BORANG PENGESAHAN PEGAWAI PERUBATAN BAGI PENGECUALIAN PENERIMAAN VAKSIN COVID-19

1. Bahagian 1: Maklumat Permohon

Nama :
 No Kad Pengenalan :
 No Pekerja (UKM PER)/No Matrik :
 Pusat Tanggungjawab (PTJ) :
 No Telefon :
 :

2. Bahagian 2: Pengesahan Masalah Perubatan (*oleh Pegawai Perubatan berdaftar penuh di fasiliti Kerajaan sahaja*).

Saya Dr. No.MMC
 telah memeriksa En./Tn./Pn./Cik
 No. Kad Pengenalan
 pada tanggal hb, tahun dan mengesahkan
 beliau menghidapi penyakit berikut:

- a.
- b.

(Sila lampirkan surat lampiran sekiranya masalah kesihatan melebihi dari jumlah di atas)

3. Bahagian 3: Pengesahan pengecualian vaksinasi COVID-19 (*oleh Pegawai Perubatan berdaftar penuh di fasiliti Kerajaan sahaja*).

Dengan penuh berdasarkan pengetahuan dan kemahiran professional saya sebagai seorang pengamal perubatan berdaftar penuh, saya mengesahkan bahawa penama di atas BOLEH / TIDAK BOLEH (potong jika tidak berkenaan) menerima vaksin-19.

Justifikasi Klinikal sekiranya **TIDAK DIBENARKAN** Vaksinasi: (sila kosongkan jika Penama boleh divaksinkan tanpa kontraindikasi)

.....

Nama Pegawai Perubatan :
 No Kad Pengenalan :
 No Pendaftaran Penuh MMC :
 No Pendaftaran NSR (jika ada) :
 Tempat Bertugas :
 No untuk dihubungi :
 Tarikh :
 Tandatangan Pegawai Perubatan :
 Cop Rasm :
 :